

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(B)(IV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

9. Berapakah jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri bagi kesalahan merokok di premis makanan mengikut daerah?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau, terdapat empat (4) jenis peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri bagi kesalahan merokok di premis makanan seperti perincian di jadual berikut:

Peraturan	Kesalahan
11(1)(d)	Tiada seorang pun boleh merokok di dalam mana-mana tempat makan atau kedai berhawa dingin
12(1)(a)	Tanggungjawab tuan punya mempamerkan suatu tanda berkeenaan dengan larangan merokok di mana-mana bahagian yang mudah dilihat pada premis
12(1)(b)	Tanggungjawab tuan punya memastikan bahawa tiada seorang pun merokok di dalam premis
13(1)	Orang Belum Dewasa merokok, mengunyah, membeli atau mempunyai dalam milikannya apa-apa hasil tembakau

Bagi tempoh 1 Januari sehingga 15 Mac 2020, sejumlah 252 kompaun telah dikeluarkan dan perincian mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**JUMLAH KOMPAUN YANG TELAH DIKELUARKAN MENGIKUT
DAERAH DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL
TEMBAKAU**

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	KOMPAUN DIKELUARKAN MENGIKUT KESALAHAN				
	PERATURAN 11(1)(D)	PERATURAN 12(1)(A)	PERATURAN 12(1)(B)	PERATURAN 13(1)	JUMLAH KESALAHAN
Timur Laut	80	7	1	0	88
Barat Daya	22	7	1	0	30
Seberang Perai Utara	63	4	0	3	70
Seberang Perai Tengah	33	6	3	1	43
Seberang Perai Selatan	21	0	0	0	21
KESELURUHAN	219	24	5	4	252